

11 MAY 2000

KAYU-KONVENSYEN/I

KONVENSYEN PEMASARAN KAYU DIANJUR 28-29 SEPT INI

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Konvensyen Pemasaran Kayu Malaysia 2000 (MTMC 2000) akan diadakan pada 28-29 September ini berikutan kejayaan konvensyen pertamanya tahun lepas.

Lapan persatuan kayu terlibat dalam menganjurkan konvensyen yang akan menyediakan pelbagai peluang mengadakan hubungan rangkaian itu.

"Ia merupakan tempat bagi pembeli dan penjual saling mengenali satu antara lain," kata Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Tan Sri Tunku Osman Ahmad kepada sidang media di sini hari ini.

Beliau yang merupakan Pengerusi Majlis Perakayuan Malaysia berkata konvensyen itu juga menjadi tempat di mana pengeluar tempatan menjual secara langsung barangan mereka kepada pembeli tanpa menerusi orang tengah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan konvensyen itu pada 28 September.

Turut diadakan satu sesi khas dengan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik di mana para peserta boleh berinteraksi secara langsung dengan beliau mengenai beberapa isu yang berkaitan dengan industri kayu tempatan, kata Tunku Osman.

"Kami menjangkakan MTMC 2000 lebih baik dan lebih besar daripada yang terdahulu," katanya merujuk kepada MMTMC 1999 di mana ia menarik 325 peserta industri kayu dari dalam dan luar negara.

MTMC 2000 dianjurkan bersama oleh Persatuan Industri Kayu Malaysia, Persatuan Pengeksport Kayu Malaysia, Persatuan Pengeluar Produk Panel Malaysia dan Majlis Pembentukan Kayu, Pertukangan Tanggam Malaysia, Majlis Industri Perabot Malaysia, Persatuan Usahawan Kayu & Perabot Bumiputra Malaysia, Persatuan Kayu Sarawak dan Persatuan Industri Kayu Sabah.

-- BERNAMA

LES JR